

**PENERAPAN ELEMEN KEMAHIRAN GENERIK DALAM PENGAJARAN  
GURU PTV DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS  
VOKASIONAL (SMPKV) DI MALAYSIA.**

**MOHD FATHI BIN ADNAN**

**Disertasi Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Penganugerahan Sarjana Pendidikan ( Teknik dan Vokasional )**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**JUN 2013**

**KEMAHIRAN GENERIK DALAM PENGAJARAN GURU PTV DI  
SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL (SMPKV) DI  
MALAYSIA.**

**MOHD FATHI BIN ADNAN**

**Disertasi Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat  
Penganugerahan Sarjana Pendidikan ( Teknik dan Vokasional )**

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**JUN 2013**

**Segala puji bagi Allah S.W.T  
Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang  
Dengan Kurnia dan Nikmatnya**

**TERISTIMEWA BUAT:**

**Ayah dan emak yang dikasihi  
Adnan bin Shamsudin dan Kamisah bte Zainal  
yang telah banyak berkorban dan memberi dorongan serta nasihat disepanjang  
hidup saya disamping iringan doa yang tiada putusnya. Semoga kejayaan akan  
mengiringi anakmu di dunia dan akhirat. Tidak lupa juga buat ibu dan bapa  
mertuaku yang mendoakan kejayaanku.**

**Isteriku Marlia bt Mokri  
yang banyak berkorban dan memberi dorongan serta sokongan sepanjang  
perjalanan hidup bersama. Buat anak-anakku Aleeya, Aleesya dan  
Adreeyana.. semoga akan berjaya menjadi insan yang berguna,  
berilmu dan beragama.**

**Tidak lupa juga buat kakak dan adik-adik tersayang  
serta seluruh ahli keluarga yang telah banyak memberi sokongan kepadaku. Serta  
semua pensyarah, rakan-rakan seperjuangan... Pengorbanan dan  
galakan kalian amat bermakna sebagai peransang untuk  
saya lebih maju. Semoga Allah memberkati kita semua.  
Sekalung terima kasih diucapkan...**

## PENGHARGAAN

**Syukur..Alhamdulillah atas segala nikmat dan rahmat serata rezeki kurniaan ilahi..**

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan khas kepada Dr. Azlan B.Abdul Latib kerana telah banyak membimbing dan memberi nasihat bagi memudahkan saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga buat semua pensyarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar, pandangan, bimbingan dan bahan rujukan bagi menyiapkan kerja-kerja penyelidikan yang saya jalankan.

Seterunya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia, khususnya Fakulti Pendidikan kerana telah memberi segala kemudahan kepada saya menggunakan pusat sumber untuk mencari maklumat bagi menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada pengetua-pengetua SMPKV di Malaysia kerana telah memberi kerjasama dengan membenarkan saya membuat pemerhatian semasa guru PTV mengajar untuk mengumpul data kajian ini. Tidak lupa juga buat guru-guru PTV di SMPKV Shah Alam, Selangor dan SMPKV Indahpura, Kulai, Johor yang telah memberi kerjasama yang baik dalam menjawab borang soal selidik tanpa sebarang masalah.

Akhir sekali sekalung penghargaan buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu saya menyiapkan tesis ini.

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan mengkaji tahap penerapan Kemahiran Generik dalam kalangan guru Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) di Malaysia. Terdapat tiga buah SMPKV yang beroperasi di Malaysia iaitu di Shah Alam, Kulajjaya, dan yang terbaru di Kuantan. Kajian ini telah dijalankan terhadap 58 orang guru PTV yang mengajar di SMPKV dengan menggunakan kaedah penyelidikan bercampur. Instrumen kajian dalam bentuk soal selidik dan set senarai semak telah digunakan untuk mengumpulkan data. Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden manakala Bahagian B berdasarkan objektif kajian. Set senarai semak pula merangkumi kaedah pengajaran dan kaedah penerapan yang dilaksanakan. Data-data mentah yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian “Statistical Packages for Social science” SPSS versi 17. Analisis kajian dilaporkan dalam bentuk deskriptif dan inferensi iaitu peratusan, min, rank, ujian-T dan anova. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penerapan elemen kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di SMPKV adalah tinggi. Selain daripada itu, guru PTV di SMPKV didapati kerap menggunakan kaedah bengkel untuk menerapkan elemen kemahiran generik. Kaedah pengajaran yang kerap digunakan untuk menerapkan elemen kemahiran generik pula adalah kaedah perbincangan, kaedah projek dan kaedah syarahan. Hasil kajian membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerapan dan kaedah penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan pelbagai faktor demografi guru. Perbincangan yang memfokuskan kepada permasalahan dan cadangan kepada pihak berkepentingan telah dikemukakan bagi meningkatkan penerapan elemen kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di SMPKV di Malaysia.

## **ABSTRACT**

This study was carried out to investigate the level of Generic Skills among Technical and Vocational Education (TVE) teachers in Secondary Schools Special Education Vocational (SMPKV) in Malaysia. There are three SMPKV operating in Malaysia in Shah Alam, Kulajaya, and the latest in Kuantan. This study was conducted on 58 PTV teachers who teach in SMPKV using mixed methods research. Research instrument in the form of questionnaires and checklists set was used to collect data. Questionnaires were divided into two parts, Part A and Part B. Part A is related to the background while Part B based on the objectives of the study. Checklist set covers methods of teaching and methods of application are implemented. The raw data obtained were analyzed using the software "Statistical Packages for Social Science" (SPSS) version 17. Analysis of studies reported in the form of descriptive and inferential percentage, mean, rank, T-test and ANOVA test. The results showed that the level of generic skill elements of TVE teaching in SMPKV is high. In addition, the TVE teachers in SMPKV are frequently using the workshop to apply the elements of generic skills. Teaching methods which are used to apply the elements of generic skills are discussions, the project method and lecture method. The study proves that there is no significant difference on the level of implementation and application of methods based on various elements of the generic skills of demographic factors. Discussion focused on the problems and recommendations to the stakeholders were made to improve the implementation of elements of generic skills in teaching TVE in SMPKV in Malaysia.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
	Pengesahan Penyelia	
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Daftar Kandungan	vii-xii
	Senarai Jadual	xiii-xvi
	Senarai Rajah	xvii
	Senarai Singkatan	xviii
	Senarai Lampiran	xix
<b>BAB 1</b>	<b>PENGENALAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	10
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis Kajian	11
	1.7 Kerangka Konsep Kajian	12
	1.8 Kepentingan Kajian	15
	1.9 Skop dan Batasan Kajian	16

1.10	Definisi Operasional	17
1.10.1	Kemahiran Generik	17
1.10.2	Kaedah Pengajaran	17
1.10.3	Kaedah Penerapan	18
1.10.4	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional	18
1.10.5	Pendidikan Teknik Dan Vokasional	19
1.10.6	Pendidikan Khas	19
1.10.7	Orang Kelainan Upaya (OKU)	20
1.10.8	Guru	20
1.11	Rumusan	21

## **BAB 2           SOROTAN PENULIS**

2.1	Pendahuluan	22
2.2	Konsep Kemahiran Generik	24
2.3	Pendidikan Teknik dan Vokasional	27
2.4	Institusi OKU	29
2.5	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional	32
2.6	Kajian-Kajian Terdahulu Kepentingan Kemahiran Generik Dan Peranan Guru Dalam Penerapan Elemen Kemahiran Generik	34
2.6.1	Kajian Dalam Negara	34
2.6.2	Kajian Luar Negara	40
2.7	Model Kemahiran Generik	43
2.7.1	Model Peruntukan Kursus	43
2.7.2	Model Kelompok Utama Kemahiran Generik	44
2.7.3	Model Kompetensi Bangsa Bersatu	46
2.7.4	ECAS Model	47
2.8	Kepentingan Kemahiran Generik	48
2.9	Kemahiran Generik Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia	50
2.9.1	Kemahiran Komunikasi	51
2.9.2	Kemahiran Menggunakan Teknologi	52



2.9.3	Kemahiran Merancang dan MengelolaAktiviti	53
2.9.4	Kemahiran Bekerja Dengan Orang Lain Dan Dalam Kumpulan	54
2.9.5	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	55
2.9.6	Kemahiran Mengurus, Memilih dan Menganalisa Maklumat	56
2.97	Kemahiran Menggunakan Idea dan Teknik Matematik	56
2.9.8	Kemahiran Memahami Budaya	57
2.10	Kaedah Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Pendidikan Teknik Dan Vokasional	58
2.10.1	Kaedah Pembelajaran Berprinsipkan Pelajar Dewasa	59
2.10.2	Pendidikan Yang Berpengalaman	60
2.10.3	Modul Kemahiran Generik	61
2.12	Peranan Guru Dalam Penerapan Kemahiran Generik	62
2.13	Pengajaran Guru	67
2.13	Kaedah Pengajaran	68
2.13.1	Pengajaran Secara Kelas	69
2.13.2	Pengajaran Secara Kumpulan	70
2.13.3	Perbincangan	70
2.13.4	Tunjukcara (Demontrasi)	71
2.13.5	Kaedah Penyelesaian Masalah	71
2.13.6	Kaedah Inkuiri Penemuan	72
2.13.7	Sumbang saran	72
2.13.8	Simulasi	73
2.13.9	Projek	74
2.13.10	Main	74
2.14	Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran	75
2.15	Kesimpulan	77

### **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	78
3.2	Reka Bentuk kajian	79
3.3	Tempat Kajian	80
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	80
3.5	Instrumen Kajian	81
3.6	Kajian Rintis	85
	3.6.1 Kesahan Soal Selidik	85
	3.6.2 Kebolehpercayaan Soal Selidik	86
3.7	Prosedur Kajian	87
3.8	Analisis Data	89
3.9	Kesimpulan	92

### **BAB 4           ANALISIS DATA**

4.1	Pendahuluan	93
4.2	Analisis Data	93
	4.2.1 Analisis Latar Belakang Responden	94
	4.2.2 Analisis Persoalan Kajian 1	97
	4.2.3 Analisis Persoalan Kajian 2	107
	4.2.4 Analisis Persoalan Kajian 3	108
	4.2.5 Analisis Persoalan Kajian 4	109
	4.2.6 Analisis Persoalan Kajian 5	111
	4.2.6.1 Analisis Hipotesis Kajian 1	111
	4.2.6.2 Analisis Hipotesis Kajian 2	112
	4.2.6.3 Analisis Hipotesis Kajian 3	113
	4.2.6.4 Analisis Hipotesis Kajian 4	115
	4.2.6.5 Analisis Hipotesis Kajian 5	117
	4.2.7 Dapatan Analisis Persoalan Kajian 5	118

4.2.8	Analisis Persoalan Kajian 6	119
4.2.8.1	Analisis Hipotesis Kajian 6	119
4.2.8.2	Analisis Hipotesis Kajian 7	120
4.2.8.3	Analisis Hipotesis Kajian 8	121
4.2.8.4	Analisis Hipotesis Kajian 9	123
4.2.8.5	Analisis Hipotesis Kajian 10	124
4.2.9	Dapatan Analisis Persoalan Kajian 6	125
4.3	Rumusan	126

## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	127
5.2	Rumusan Kajian	128
5.2.1	Rumusan Analisis Latar Belakang Responden	128
5.2.2	Rumusan Persoalan Kajian	129
5.3	Perbincangan	131
5.3.1	Faktor Latar Belakang Responden	131
5.3.2	Elemen Kemahiran Generik Yang Paling Kerap Diterapkan Dalam Pengajaran Guru-Guru PTV Di SMPKV	133
5.3.3	Tahap Penerapan Kemahiran Generik Oleh Guru-Guru PTV Dalam Pengajaran di SMPKV	138
5.3.4	Kaedah Penerapan Kemahiran Generik Yang Diaplikasikan Oleh Guru-Guru PTV Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di SMPKV	147
5.3.5	Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru-Guru PTV di SMPKV Untuk Menerapkan Elemen-elemen Kemahiran Generik	151
5.4	Cadangan	157
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	158
5.6	Penutup	159

<b>BIBLIOGRAFI</b>	161
--------------------	-----

**LAMPIRAN**

LAMPIRAN A (Borang Soal Selidik)	179
LAMPIRAN B (Senarai Semak Pemerhatian)	187
LAMPIRAN C ( Surat Pengesahan Status Pelajar)	196
LAMPIRAN D (Surat Kebenaran EPRD)	198
LAMPIRAN E ( Surat Kebenaran JPN Johor)	200
LAMPIRAN F ( Surat Kebenaran JPN Selangor)	202

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Pendaftaran OKU Mengikut Negeri 2009-2010	30
2.2	Pendaftaran OKU Mengikut Kumpulan Etnik 2009-2010	30
2.3	Pendaftaran OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan 2009-2010	31
2.4	Jenis Sekolah Pendidikan Khas	31
2.5	Data Pusat PDK Sehingga 2010	32
2.6	Bilangan Institusi OKU	32
2.7	Perubahan Dalam Dimensi Pedagogi	63
3.1	Jumlah Taburan Item Mengikut Aspek Kajian	83
3.2	Skala Tindak Balas Responden Terhadap Item	84
3.3	Pemeringkatan Skala Likert 1	89
3.4	Pemeringkatan Berasaskan Skala Likert	90
3.5	Perubahan Markat dan Skala	90
3.6	Jadual Min	91
3.7	Persoalan Kajian dan Analisis Data	91
3.8	Hipotesis Kajian dan Kaedah Analisis	92
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	94
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	95
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan	95
4.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Tertinggi	96
4.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	97

4.6	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Komunikasi Mengikut Peratus dan Min	98
4.7	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Menggunakan Teknologi Mengikut Peratus dan Min	99
4.8	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Merancang dan Mengelola Aktiviti Mengikut Peratus dan Min	100
4.9	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Bekerja Dengan Orang Lain Dalam Kumpulan Mengikut Peratus dan Min	101
4.10	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Menyelesaikan Masalah Mengikut Peratus dan Min	102
4.11	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Mengurus, Memilih dan Menganalisis Maklumat Mengikut Peratus dan Min	103
4.12	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Menggunakan Idea dan Teknik Matematik Mengikut Peratus dan Min	104
4.13	Respon Guru Terhadap Kekekapan Penerapan Elemen Kemahiran Memahami Budaya Mengikut Peratus dan Min	105
4.14	Nilai Min dan Rank Bagi Melihat Elemen Kemahiran Generik Yang Paling Kerap Diterapkan Dalam Pengajaran Guru-Guru PTV di SMPKV	106
4.15	Nilai Min Bagi Melihat Tahap Penerapan Kemahiran Generik Oleh Guru-Guru PTV Dalam Pengajaran di SMPKV	107

4.16	Taburan Responden Mengikut Peratus dan Min Bagi Kaedah Penerapan Kemahiran Generik Yang Diaplikasikan Oleh Guru-Guru PTV di SMPKV	108
4.17	Respon Guru Terhadap Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Oleh Guru-Guru PTV di SMPKV Mengikut Peratus	109
4.18	Analisis Ujian-T Perbandingan Tahap Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Jantina Guru	111
4.19	Analisis ANOVA Perbezaan Tahap Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	112
4.20	Analisis ANOVA Perbezaan Tahap Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Umur Guru	114
4.21	Analisis ANOVA Perbezaan Tahap Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Pengkhususan Guru	115
4.22	Analisis ANOVA Perbezaan Tahap Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Kelulusan Tertinggi Guru	117
4.23	Analisis Ujian-T Bagi Melihat Perbezaan Kaedah Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Jantina Guru	119
4.24	Analisis ANOVA Bagi Melihat Perbezaan Kaedah Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru	120
4.25	Analisis ANOVA Bagi Melihat Perbezaan Kaedah Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Umur Guru	121
4.26	Analisis ANOVA Bagi Melihat Perbezaan	

	Kaedah Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Pengkhususan Guru	123
4.27	Analisis ANOVA Bagi Melihat Perbezaan Kaedah Penerapan Elemen Kemahiran Generik Berdasarkan Kelulusan Tertinggi Guru	124



**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian	14
2.1	Model Peruntukan Kursus	44
2.2	Model Kelompok Utama Kemahiran Generik	45
2.3	Model Kompetensi Bangsa Bersatu	46
2.4	ECAS Model	47
2.5	Kaedah Pengajaran Mengikut Kategori	69
3.1	Carta Prosedur Kajian	88
5.1	Model Kemahiran Generik Pendidikan Khas Vokasional	156

**SENARAI SINGKATAN****SINGKATAN PERKARA**

PTV	Pendidikan Teknik Dan Vokasional
KDP	Kursus Dalam Perkhidmatan
OKU	Orang Kelainan Upaya
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPG	Institut Pendidikan Guru
P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal Selidik	179
B	Borang Senarai Semak Pemerhatian	187
C	Surat Pengesahan Status Pelajar	194
D	Surat Kebenaran EPRD	196
E	Surat Kebenaran JPN Johor	198
F	Surat Kebenaran JPN Selangor	200

# **BAB I**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Pendidikan merupakan satu bidang yang meliputi aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses-proses pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia (Mok, 2010a). Tujuan pendidikan adalah untuk membangunkan semua potensi manusia, menyemai pengetahuan, membentuk kemahiran dan juga untuk berfikir (Mok, 2001; Kuhn, 2006). Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan salah satu cabang dalam pendidikan yang memainkan peranan penting bagi memastikan sumber tenaga kerja di negara ini tidak terputus dan berkualiti. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari hakikat ini dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memberikan latihan intensif kepada guru-guru PTV melalui kursus dalam perkhidmatan (KDP) dan kursus-kursus jangka pendek bagi meningkatkan kemahiran guru-guru terhadap bidang masing-masing dan pemantapan modal insan (KPM, 2001).

Perkembangan bidang PTV di Malaysia dilihat memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, bagi menghadapi dunia yang semakin mencabar ini, negara perlu melakukan pelbagai rancangan strategik dan pelan pembangunan untuk memastikan ekonomi negara berada dalam keadaan yang berdaya saing dan stabil. Tenaga kerja yang terlatih dari segi kemahiran, ilmu pengetahuan dan berketerampilan diperlukan dalam industri perindustrian pada masa kini (KPM, 2001). Kebanyakan majikan pada masa kini menekankan penguasaan

kemahiran generik sebagai asas dalam pengambilan graduan untuk diterima bekerja di institusi atau syarikat mereka (Buletin P&P UTM, 2004).

Bidang PTV di Malaysia bukan sahaja tertumpu kepada golongan masyarakat normal semata-mata, ianya turut ditumpukan kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan 10 % daripada populasi sesebuah negara adalah golongan OKU (Borneo Post Online, 2010). Melalui pelunjuran ini, adalah dianggarkan jumlah golongan OKU di Malaysia seramai lebih kurang 2.8 juta orang. Namun jumlah sebenar yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih terlalu rendah iaitu 314, 247 orang sahaja (JKM, 2011). Antara sebab atau punca masih ramai lagi golongan OKU yang belum mendaftar ialah kurangnya pengetahuan penduduk luar bandar tentang bantuan yang disediakan untuk OKU. Selain itu juga, mereka tidak mengetahui prosedur untuk mendaftar (Borneo Post Online, 2010).

Golongan OKU memerlukan bantuan dan sokongan dari aspek fizikal, mental dan spiritual daripada masyarakat untuk membantu mereka mengharungi dunia yang semakin mencabar. Kerajaan begitu prihatin terhadap keperluan ini dan telah menyediakan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan untuk golongan OKU melalui agensi-agensinya. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan termasuklah pendidikan, pelepasan cukai, pengangkutan awam, peluang pekerjaan dan sebagainya (Kerajaan Malaysia, 2008). Menurut Siti Zarina (2004), OKU sukar untuk mendapat pekerjaan kerana mereka kurang keyakinan diri, berasa rendah diri dan sukar berkomunikasi dengan masyarakat. Dalam erti kata lain, golongan OKU tidak mempunyai tahap kemahiran generik yang baik.

Kemahiran generik merupakan kemahiran yang semakin penting dalam menempuh dunia pekerjaan pada masa kini. Sektor pekerjaan pada masa kini memerlukan pekerja yang fleksibel, inisiatif, inovatif dan berkebolehan untuk melaksanakan tugas yang berbeza (Noorashidi, 2009). Seseorang pekerja tidak hanya perlu melakukan pekerjaan tertentu sahaja tetapi juga perlu lebih fleksibel kerana pekerjaan pada masa kini lebih berorientasikan perkhidmatan, bermaklumat dan mementingkan kemahiran sosial. Penekanan terhadap perubahan, pengurangan kos,

peningkatan produktiviti, pasaran baru, produk dan pasaran merupakan aspek yang difokuskan oleh majikan (Australian Chamber of Commerce and Industry, 2002).

Terdapat pelbagai definisi yang diberikan terhadap kemahiran generik. Kemahiran generik adalah kemahiran-kemahiran yang digunakan untuk merentasi sebilangan besar pekerjaan. Ianya bersifat menyeluruh iaitu meliputi kemahiran kognitif, personal dan interpersonal termasuk asas keterampilan dan kemahiran asas yang relevan dengan sesuatu pekerjaan (Kearns, 2001). Kemahiran generik merupakan kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan oleh seseorang untuk mendapatkan, mengekalkan dan melakukan kerja dengan baik (Robinson, 2000; Ahmad *et al.*, 2003; Abd. Raof dan Sharifah, 2003; Zainudin *et al.*, 2005). Teras kedua di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 iaitu membangunkan modal insan telah menggariskan elemen-elemen yang terkandung dalam kemahiran generik iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia yang sering berubah (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

Daripada hasil penyelidikan dan penulisan yang pernah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa kemahiran generik dapat menambahkan kualiti seseorang pekerja. Kemahiran generik dapat membantu pelajar membuat persediaan sebelum menghadapi dunia pekerjaan sebenar. Pelajar boleh menggunakan segala kemahiran yang diterapkan dalam pelbagai situasi ketika di alam pekerjaan kelak (Ab. Rahim, 2000).

## 1.2 Latar belakang Masalah

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) memainkan peranan yang sangat penting dalam proses penyediaan tenaga kerja sesebuah negara. Dunia pekerjaan pada masa kini semakin mencabar. Majikan memerlukan seorang pekerja yang mahir dalam semua aspek termasuklah penguasaan dalam aspek generik. Menurut Abdullah (2004), banyak rungutan dari pihak industri berkaitan graduan yang kini tidak memiliki kemahiran yang dikehendaki oleh majikan. Oleh yang demikian, PTV perlulah diselaraskan dengan kehendak industri agar pelajar yang dihasilkan untuk mengisi sektor pekerjaan akan lebih berkualiti dan mampu memenuhi keperluan dan kehendak majikan (Safarin dan Kamaruddin, 2004). Dalam hal ini, guru memainkan peranan penting bagi memastikan pelajar yang dihasilkan mampu memenuhi kehendak majikan menerusi kurikulum yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran.

PTV pada masa kini semakin mendapat perhatian di mata masyarakat. Kini, PTV tidak lagi dipandang sebagai bidang pendidikan kelas kedua. Kerajaan telah mempertingkatkan usaha dalam menaik taraf aliran PTV dan bidang ini bukan sahaja mendapat sambutan dalam kalangan pelajar malah turut mendapat sambutan daripada komuniti dan pihak industri tempatan. Menurut Yahya (2005), tujuan PTV di Malaysia antaranya adalah untuk membantu mengembangkan potensi pelajar dan memperbaiki lagi taraf hidup mereka dengan cara meluaskan alam kecerdasan sambil memperbaiki kemahiran dan pengetahuan. Ini jelas menerangkan bahawa PTV adalah untuk menyediakan modal insan yang bersedia untuk alam pekerjaan. PTV juga sangat penting dalam memastikan negara tidak terputus sumber tenaga kerja pada masa akan datang. Modal insan yang dimaksudkan bukan sahaja daripada golongan masyarakat yang normal malahan termasuk juga golongan OKU. Penyertaan menyeluruh masyarakat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan serta kemampuan fizikal dapat membantu negara mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020 (Azlan, 2011).

Pembangunan sesebuah negara bukan sahaja bergantung kepada sesetengah individu atau organisasi. Semua golongan masyarakat memainkan peranan penting

dalam memajukan sesebuah negara termasuklah golongan OKU. Menyedari tentang kesukaran golongan OKU mendapatkan pekerjaan untuk menyara hidup dan hidup berdikari, kerajaan telah memperkenalkan satu dasar yang memberi peluang kepada OKU untuk bekerja di sektor awam. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008 telah menjelaskan prosedur, peranan agensi dan pemantauan pelaksanaan dasar 1% peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU (Jabatan Perkhidmatan Awam, 2008). Walau bagaimanapun, peluang yang diberikan untuk OKU berkerja terlalu kecil memandangkan jumlah OKU yang semakin bertambah (Rosmawati, 2008). Selain daripada itu, sikap majikan yang kurang percaya terhadap kebolehan OKU untuk menyempurnakan tugas yang diberi juga menyukarkan golongan OKU mendapat pekerjaan di sektor swasta. Walaupun ada pihak swasta yang mengambil pekerja OKU, ia hanya untuk mengisi jawatan yang rendah seperti tukang cuci, pembantu jualan dan sebagainya (Sinar Harian, 2008; Berita Harian, 2010).

Sehingga akhir 2010, terdapat sebanyak 428 buah pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) di negara kita. Pusat PDK ini menempatkan seramai 18 943 orang pelatih OKU, 428 orang penyelia dan 1714 orang tenaga pengajar (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2011). Pusat PDK ini berfungsi untuk memberikan khidmat jagaan, rawatan, latihan sosial dan vokasional kepada OKU supaya mereka boleh hidup berdikari mengikut kemampuan mereka. Terdapat juga 11 institusi lain yang menyediakan perkhidmatan untuk OKU dari segi perkhidmatan jagaan, pemulihan, rawatan, latihan serta peluang pekerjaan. Institusi tersebut ialah Taman Sinar Harapan, Bengkel Terlindung, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi dan Pusat Harian Bukit Tunku.

Berdasarkan statistik di atas, jelas sekali kerajaan tidak mengabaikan golongan OKU dalam memastikan negara kita mencapai Wawasan 2020. Selain daripada itu, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan Sekolah Pendidikan Khas di peringkat rendah dan menengah. Terdapat juga tiga buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) yang terletak di Shah Alam, Selangor, di Kulai, Johor dan yang terbaru di Kuantan, Pahang. Tujuan utama penubuhan SMPKV ini adalah untuk memberi pendedahan kepada golongan



OKU agar dapat berdikari dan menempuh alam pekerjaan sama seperti golongan normal. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan golongan OKU. Penerapan kemahiran generik turut diberi perhatian dalam kursus-kursus yang ditawarkan.

Kemahiran generik dianggap sebagai salah satu daripada aspek kemahiran yang perlu diberi perhatian dan sering dikaji oleh pengamal pendidikan dan pihak industri di barat (Kearns, 2001). Kemahiran generik dianggap penting oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan New Zealand. Ini jelas dilihat apabila negara-negara ini memberi penekanan terhadap kemahiran generik dalam kurikulum pendidikan (Bennett *et al.*, 1999). Pengetahuan yang dipelajari dan diperoleh semasa berada di dalam kelas sahaja adalah tidak mencukupi untuk seseorang pelajar. Ianya perlu selari dengan pengetahuan-pengetahuan umum atau pengetahuan generik seperti komunikasi, kerja berpasukan, kreativiti, keyakinan diri, berfikir secara kreatif dan kritis dan sebagainya. Kemahiran-kemahiran ini tidak semestinya diperoleh dalam sesi pembelajaran sahaja tetapi mestilah melalui pengalaman sebenar serta daya usaha seseorang individu itu sendiri (Azalya, 2003; Jumaatul, 2006; Azlan, 2011).

Menurut Yahya (2005), kurikulum yang digubal seharusnya mampu memenuhi kehendak industri dan majikan serta tenaga pengajar di institusi PTV perlu mempunyai pengetahuan terkini, berorientasikan perindustrian dan mempunyai hubungan atau pengalaman kerja dalam industri. Kualiti kurikulum dan tenaga pengajar mempengaruhi tahap keterampilan pelajar dengan berkesan terhadap pelajarannya. Oleh itu, guru perlu memainkan peranannya dengan penuh berkesan (Tetty Henney & Zafri, 2000). Guru perlu membuat perubahan dalam penyampaian pengajaran dan sentiasa menambah ilmu pengetahuan secara berterusan bagi memastikan kemahiran generik dapat diserapkan dalam pengajaran. Pendekatan dalam penyampaian pengajaran PTV perlu diubah mengikut kesesuaian kemahiran generik yang hendak diintegrasikan dalam pengajaran (Yahya, 2005).

Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bertindak dengan menggubal kurikulum baru dengan menerapkan kemahiran generik dalam

kurikulum tersebut. Pendekatan yang digunakan untuk menerapkan kemahiran generik kepada pelajar adalah melalui pendekatan kemahiran generik merentas kurikulum. Kemahiran-kemahiran umum atau kemahiran generik yang telah digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1999) supaya dimasukkan ke dalam kurikulum adalah seperti berikut:

- i) Kemahiran berkomunikasi
- ii) Kemahiran menggunakan teknologi
- iii) Kemahiran merancang dan mengelola aktiviti
- iv) Kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan
- v) Kemahiran penyelesaian masalah
- vi) Kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat
- vii) Kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik
- viii) Kemahiran memahami budaya

Penerapan kemahiran generik kepada pelajar memerlukan usaha yang berterusan daripada guru. Untuk memastikan penerapan kemahiran generik yang berkesan, guru haruslah menguasai kemahiran tersebut terlebih dahulu dan mengintegrasikannya dengan kemahiran-kemahiran yang lain dan tidak kurang pentingnya kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (Mok, 2003; Rozanis, 2006). Menurut Noraini (2006), guru perlu diberi latihan mengenai teknik mengajar kemahiran generik melalui kursus-kursus yang berkaitan. Mohamed Khaled (2011), juga menyatakan IPTA yang berkualiti akan mampu untuk melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dari segi kemahiran lain seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, nilai murni dan sebagainya. Guru telah didedahkan dengan kemahiran generik semasa mengikuti kursus perguruan di IPT. Persoalannya ialah apakah tahap kefahaman dan pengetahuan guru terhadap kemahiran generik? Bagaimana guru mengaplikasikannya semasa di sekolah?

Guru memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang terkini bagi menyampaikan pengajaran dan pembelajaran sekaligus menerapkan kemahiran generik kepada pelajar. Bukannya mudah untuk guru menerapkan kemahiran tersebut kepada pelajar apatah lagi jika pelajar tersebut adalah golongan OKU. Untuk

menerapkan kemahiran ini kepada golongan OKU ianya memerlukan kaedah yang tersendiri. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat perlunya satu kajian dijalankan bagi mengetahui tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di SMPKV di Malaysia.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) merupakan satu pusat pendidikan dan latihan yang disediakan oleh kerajaan untuk mendedahkan pelajar golongan OKU kepada bidang pekerjaan. Terdapat 3 (tiga) buah SMPKV di Malaysia, iaitu SMPKV Shah Alam, Selangor, SMPKV Indahpura, Kulai, Johor dan SMPKV Kuantan, Pahang. Tujuan utama penubuhan SMPKV ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar OKU untuk berdikari dan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada mereka untuk menempuh alam pekerjaan mengikut kemampuan mereka (Utusan Malaysia, Jun 2011).

SMPKV menjadi institusi yang khusus bagi melatih pelajar OKU untuk bekerja dan mampu memenuhi kehendak majikan. Pelajar OKU haruslah mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan bukan hanya tertumpu kepada bidang vokasional sahaja. Oleh yang demikian, pelajar OKU ini haruslah dibekalkan dengan pengetahuan akademik, kemahiran manipulatif dan kemahiran generik. Majikan pada masa kini memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal dan kemahiran generik yang kukuh (Foong, 2000; Cottrell, 2003). Menurut Ramlee dan Norani (2007), pendidikan bagi golongan OKU masih lagi berada pada tahap yang rendah dan tidak relevan dengan pasaran kerja. Hal ini menyebabkan ramai golongan OKU tidak mendapat pekerjaan. OKU perlulah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lengkap dan setara dengan golongan normal agar pihak majikan tidak mempunyai masalah untuk mengambil golongan ini untuk bekerja. Barker (2000), menyatakan bahawa kekurangan pembangunan kemahiran generik di peringkat sekolah menengah telah menyebabkan ketidakseimbangan antara kemahiran yang ada pada pekerja dengan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja.

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan pelajar OKU di SMPKV mendapat pengetahuan dan kemahiran mengikut kehendak majikan dan industri. Memandangkan kemahiran generik dilihat semakin penting di sektor pekerjaan, maka guru perlu berusaha menerapkan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Elemen-elemen seperti kemahiran komunikasi, kemahiran menganalisis maklumat, bekerja dalam kumpulan, menggunakan teknologi dan sebagainya haruslah diterapkan semaksimum yang boleh kepada pelajar OKU di SMPKV melalui pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan kritis.

Kebanyakan guru masih tidak menggunakan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran secara meluas. Guru lebih suka menggunakan teknik pengajaran berpusatkan guru seperti penerangan sahaja (Noriah, 2006). Pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terhadap pelaksanaan projek rintis Sekolah Bestari pada tahun 2000 dan 2001 mendapati bahawa guru-guru kurang memberi penekanan kepada aspek-aspek penting seperti integrasi kemahiran generik, pembelajaran akses sendiri dan sebagainya (Kartini, 2002). Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas kurang menerapkan unsur-unsur kemahiran generik .

Berkemungkinan juga terdapat perbezaan tahap kefahaman dan pengetahuan tentang kemahiran generik dalam kalangan guru. Ini kerana guru mendapatkan pendedahan tentang kemahiran generik semasa di Institut Pengajian Tinggi yang berlainan seperti Institut Pendidikan Guru, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa adalah wajar agar kajian tentang penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di SMPKV yang terdapat di Malaysia ini dijalankan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau sejauh mana penerapan kemahiran generik dalam kalangan guru-guru PTV yang mengajar di SMPKV dan apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk menerapkan kemahiran generik kepada pelajar OKU.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mengandungi empat objektif utama berkaitan penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru-guru PTV di SMPKV. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengetahui pasti kemahiran generik yang kerap diterapkan dalam pengajaran guru-guru PTV di SMPKV.
- ii) Mengetahui pasti tahap penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di SMPKV.
- iii) Mengetahui kaedah penerapan kemahiran generik yang diaplikasikan oleh guru-guru PTV dalam pengajaran dan pembelajaran di SMPKV.
- iv) Mengetahui pasti kaedah pengajaran yang digunakan untuk menerapkan elemen-elemen kemahiran generik.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini mempunyai 6 (enam) persoalan kajian yang menekankan tentang penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru-guru PTV di SMPKV.

- i) Adakah elemen kemahiran generik yang paling kerap diterapkan dalam pengajaran guru-guru PTV di SMPKV?
- ii) Adakah tahap penerapan kemahiran generik oleh guru-guru PTV dalam pengajaran di SMPKV?
- iii) Adakah kaedah penerapan kemahiran generik yang diaplikasikan oleh guru-guru PTV dalam pengajaran dan pembelajaran di SMPKV?
- iv) Adakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru PTV untuk menerapkan elemen-elemen kemahiran generik?
- v) Adakah terdapat perbezaan tahap penerapan kemahiran generik di kalangan guru-guru PTV di SMPKV?
- vi) Adakah terdapat perbezaan kaedah penerapan elemen kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru PTV di SMPKV?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat (8) lapan hipotesis nol dalam kajian ini. Hipotesis-hipotesis nol yang dibentuk adalah berdasarkan persoalan kajian.

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan jantina guru.

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan pengalaman mengajar guru.

Ho 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan umur guru.

Ho 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan pengkhususan guru.

Ho 5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan kelulusan guru.

Ho 6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan jantina guru.

Ho 7 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan pengalaman mengajar guru.

Ho 8 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan umur guru.

Ho 9 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan pengkhususan guru.

Ho 10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kaedah penerapan elemen kemahiran generik berdasarkan kelulusan guru.

## 1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep bagi kajian ini adalah berdasarkan kajian-kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji lain. Fokus utama pengkaji dalam kajian ini ialah untuk melihat apakah tahap penerapan kemahiran generik oleh guru PTV di SMPKV secara deskriptif. Seterusnya, penyelidik akan mengenal pasti elemen kemahiran generik yang kerap diterapkan oleh guru. Akhir sekali penyelidik akan cuba mengenal pasti apakah kaedah pengajaran dan kaedah penerapan yang digunakan oleh guru dalam penerapan elemen kemahiran generik kepada pelajar OKU. Azlan (2011), dalam kajiannya telah menyenarai pendekkan elemen-elemen kemahiran generik kepada enam elemen iaitu, kemahiran bekerja secara produktif, kemahiran belajar secara efektif, kemahiran berkomunikasi dengan jelas, kemahiran menyelesaikan masalah, mempunyai nilai diri yang positif dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, telah menggariskan beberapa aspek yang diperlukan untuk membangunkan sistem pendidikan di Malaysia. Kesemua aspek ini adalah gabungan daripada elemen-elemen kemahiran generik yang digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). Aspek-aspek tersebut ialah:


- i) boleh berfikir secara kritis dan kreatif;
- ii) mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah;
- iii) boleh mewujudkan peluang yang baru;
- iv) gigih berusaha; dan
- v) mampu menghadapi persekitaran dunia global yang dinamik.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1999) juga telah menggariskan tujuh elemen kemahiran generik yang perlu diterapkan kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sehingga hari ini semua elemen ini masih dikekalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Elemen-elemen tersebut ialah;

- i) kemahiran berkomunikasi,
- ii) kemahiran menggunakan teknologi,
- iii) kemahiran merancang dan mengelola aktiviti,
- iv) kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan,
- v) kemahiran menyelesaikan masalah,
- vi) kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat dan
- vii) kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik,
- viii) kemahiran memahami budaya.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian secara umum terhadap kajian yang akan dijalankan. Dalam kerangka konsep kajian ini, penyelidik akan menggunakan elemen-elemen kemahiran generik seperti yang gariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1999) dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.





Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Penyelidik berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada beberapa kumpulan masyarakat dalam mempertingkatkan kemahiran generik pelajar-pelajar OKU untuk melengkapkan diri mereka bagi menghadapi dunia kerjaya kelak. Kajian ini ingin melihat sejauhmana elemen-elemen dalam kemahiran generik diterapkan dalam diri pelajar OKU semasa proses pengajaran guru. Kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak seperti berikut.

### **1.8.1 Guru**

Hasil kajian yang diperoleh nanti akan dapat menggalakkan guru-guru PTV untuk cuba menerapkan kemahiran generik kepada pelajar OKU di dalam kelas mereka dengan lebih baik. Hasil kajian ini juga akan dapat membantu guru mengenal pasti kaedah pengajaran yang paling sesuai digunakan untuk menerapkan kemahiran generik kepada pelajar OKU. Selain daripada itu, kajian ini juga akan dapat membantu guru-guru PTV untuk menilai kembali pengajaran yang dijalankan di sekolah agar dapat menghasilkan pelajar OKU yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran seperti yang dikehendaki oleh majikan dan pihak industri.

### **1.8.2 Sekolah**

Hasil daripada kajian ini nanti akan dapat membantu pihak sekolah terutamanya bagi ketua-ketua panitia mata pelajaran PTV mengenai penguasaan dan penerapan kemahiran generik dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Selain daripada itu, pihak sekolah juga akan dapat mengenal pasti tahap penguasaan dan penerapan kemahiran generik guru-guru PTV di sekolah mereka dan seterusnya berusaha mempertingkatkan kualiti modal insan dalam kalangan pelajar.

### **1.8.3 Kementerian Pelajaran Malaysia**

Kajian ini membolehkan pihak KPM untuk mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki dari segi kurikulum dan persekitaran sekolah supaya lebih mantap. Selain daripada itu, pihak KPM juga akan dapat menilai tahap penguasaan guru terhadap kemahiran generik dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi meningkatkan mutu pendidikan negara umumnya dan mutu pendidikan vokasional untuk pelajar berkeperluan khas khususnya.

## **1.9 Skop dan Batasan Kajian**

Terdapat 3 (tiga) skop dalam kajian ini iaitu elemen kemahiran generik, kaedah pengajaran dan kaedah penerapan. Elemen-elemen kemahiran generik yang dikaji hanya berdasarkan yang digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1999). Elemen-elemen tersebut ialah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, kemahiran menggunakan idea teknik matematik dan kemahiran memahami budaya. Keputusan, analisa dan kesimpulan yang akan dibuat hanya relevan untuk guru-guru PTV di SMPKV sahaja.

Keputusan kajian mungkin tidak dapat mencakupi semua aspek yang boleh memberi penyelesaian kepada masalah yang berkaitan. Pengkaji tidak mampu mengkaji semua aspek yang berkaitan dengan masalah kajian (Mohamed Najib, 1999). Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan mempunyai batasan atau had tertentu terhadap permasalahan yang dihadapi. Kajian ini hanya melibatkan guru-guru PTV di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional yang terletak di Shah Alam, Selangor dan di Indahpura, Kulai, Johor. Penyelidikan ini tidak melibatkan guru-guru akademik biasa yang lain. Penyelidik akan mengambil jumlah populasi sebagai responden kerana bilangan guru yang mengajar mata pelajaran PTV tidak ramai iaitu seramai 78 orang sahaja.

## **1.10 Definisi Operasional**

Beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan ini memerlukan definisi yang terperinci dan jelas. Penerangan tentang definisi istilah yang digunakan ini sangat penting kerana pengertian umum dengan pengertian dalam kajian ini mungkin berbeza. Istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

### **1.10.1 Kemahiran Generik**

Kearns (2001), telah mendefinisikan kemahiran generik sebagai satu kemahiran yang boleh digunakan untuk merentasi sebilangan besar pekerjaan yang pelbagai. Kemahiran ini bukan sahaja merangkumi kemahiran-kemahiran asas, malahan turut merangkumi kemahiran personal, interpersonal dan kemahiran kognitif yang relevan dengan sesuatu pekerjaan.

Pelbagai definisi diberikan oleh tokoh-tokoh di beberapa buah negara untuk menjelaskan maksud kemahiran generik. Namun, secara ringkasnya kemahiran generik lebih berfokus kepada kemahiran personal, sikap, penyelesaian masalah, tingkahlaku dan tabiat, cara berkomunikasi, proses mengurus sesuatu organisasi dan kemahiran membuat keputusan.

### **1.10.2 Kaedah Pengajaran**

Menurut Kamus Dewan (2002), kaedah bermaksud cara atau peraturan untuk melakukan sesuatu. Pengajaran pula merangkumi pelbagai perkara dan fungsi yang saling berkait dan hendaklah bertindak secara bersama agar mencapai kejayaan (Ee, 1997). Menurut Mok (2003) pula, pengajaran ialah sesuatu proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya murid-murid dapat mempelajari dan menguasai dengan berkesan.

Kaedah pengajaran yang dimaksudkan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah satu proses atau cara penyebaran ilmu dalam mata pelajaran PTV sama ada dalam pengajaran teori mahupun amali.

### **1.10.3 Kaedah Penerapan**

Penerapan bermaksud suatu perbuatan atau perlakuan seperti menerapkan, mengenakan pada, menyerapkan kepada atau mempraktikkan. (Kamus Dewan, 2002). Kaedah penerapan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah usaha atau cara yang dilakukan oleh guru-guru PTV untuk menerapkan atau menyerapkan elemen-elemen kemahiran generik dalam pengajaran di dalam kelas atau bengkel kepada pelajar-pelajar OKU.

### **1.10.4 Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional**

Pada masa kini, hanya terdapat tiga buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) di Malaysia. Satu daripadanya ialah SMPKV Shah Alam yang mana menempatkan pelajar-pelajar kurang upaya pendengaran. Sebuah lagi ialah SMPKV Indahpura yang terletak di Kulai, Johor. Sekolah ini merupakan sekolah pertama melaksanakan program 3 dalam 1 yang mana menempatkan pelajar-pelajar kurang upaya pendengaran, penglihatan dan pembelajaran. Manakala sebuah sekolah lagi merupakan SMPKV yang baru dibuka pada Januari 2012 yang berkonsepkan teknologi agro (Utusan Malaysia, 2011). Dalam penulisan ini, Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional yang dimaksudkan ialah ketiga-tiga sekolah yang disebutkan di atas.

### 1.10.5 Pendidikan Teknik Dan Vokasional

PTV memberi makna kepada negara menerusi pendidikan yang menekankan proses penyediaan kepada pekerjaan dan penglibatan yang efektif dalam dunia pekerjaan. PTV adalah sebahagian proses pembelajaran sepanjang hayat bagi membentuk warganegara yang bertanggungjawab. PTV juga bertindak sebagai instrumen mempromosi pembangunan lestari dan PTV juga sebagai kaedah mengurangkan kadar kemiskinan. PTV sebenarnya adalah sebahagian daripada proses pendidikan yang terdapat elemen pendidikan umum, teknologi dan sains.

Menurut UNESCO dan ILO (2002) dalam *Revised Recommendation concerning Technical and Vocational Education* (2001), PTV adalah:

*comprehensive term referring to those aspects of the educational process involving, in addition to general education, the study of technologies and related sciences, and the acquisition of practical skills, attitudes, understanding and knowledge relating to occupations in various sectors of economic and social life*

(UNESCO & ILO, 2002)

### 1.10.6 Pendidikan Khas

